



ANGKATAN MUDA KEADILAN PERLIS

KENYATAAN MEDIA

Susulan rombakan menyeluruh struktur jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan (AMK) Negeri Perlis bulan lalu dan amanah yang diberikan kepada saya sebagai Ketua AMK Perlis yang baharu oleh Ketua AMK Malaysia, YB Akmal Nasir, sukacita saya ingin mengumumkan pembentukan jawatankuasa baharu bagi Majlis Pimpinan AMK (MPAMK) Negeri Perlis.

Pembentukan MPAMK Perlis dibuat setelah proses perbincangan secara 'syura' dibuat yang mana melibatkan anggota-anggota berdaftar di peringkat akar umbi yang meliputi ketiga-tiga Cabang AMK yang ada di negeri ini iaitu AMK Cabang Padang Besar, AMK Cabang Kangar dan AMK Cabang Arau.

Oleh yang demikian, berdasarkan peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Parti Keadilan Rakyat dan Peraturan Tetap AMK 2014, maka saya dengan ini mengumumkan senarai jawatankuasa Majlis Pimpinan AMK Negeri Perlis baharu, berkuatkuasa mulai hari ini, Khamis, 22 Julai 2021.

NO.	NAMA PENUH	CABANG	JAWATAN
1	AMAR BIN ABD JALIL	PADANG BESAR	KETUA
2	GAVIN WAY	KANGAR	TIMBALAN KETUA
3	RASKHAIRULIMRAN BIN RASZALI	PADANG BESAR	NAIB KETUA (1)
4	KHOR SAN KHE	ARAU	NAIB KETUA (2)
5	HASMAWATI BINTI IBRAHIM	PADANG BESAR	NAIB KETUA (3)
6	NORHAMIZAN BIN HAMID SULTAN	PADANG BESAR	SETIAUSAHA
7	NURUL AMANINA BINTI HARIS	PADANG BESAR	PENOLONG SETIAUSAHA
8	PUTERI NAYLI NADIAH BINTI ZAMRI	KANGAR	SETIAUSAHA KERJA
9	MOHD FIRDAUS BIN HASSAN	PADANG BESAR	SETIAUSAHA PENGELOLA
10	TARANJIT SINGH SADHU A/L JAGJIT SINGH	KANGAR	BENDAHARI
11	LAGINI A/P PALA	ARAU	PENOLONG BENDAHARI
12	NATTHAVUTH A/L SENG	KANGAR	KETUA PENERANGAN
13	ASMIR BIN DAUD	KANGAR	PENGARAH KOMUNIKASI
14	BURHANUDDIN HILMI BIN MOHAMAD KHALID	PADANG BESAR	AJK
15	NUR ANNUAL BIN ABU TALIB	KANGAR	AJK

16	DAVEED A/L NAGARAJA	KANGAR	AJK
17	MUHAMMAD ARIFF FARHAN BIN ABDUL RAHIM	KANGAR	AJK
18	AWIRA DUANGSUNAN A/L CHIN	PADANG BESAR	AJK
19	AHMAD AZRI BIN NAZMAN	KANGAR	AJK
20	MUHAMMAD ZAFRI BIN MUHAMMAD ANUAR	ARAU	AJK
21	MUHAMMAD SYAHMI BIN SUHAIMI	ARAU	AJK
22	MUHAMMAD FARISZOL BIN AHMAD	KANGAR	AJK
23	MOHD AMIR FARHAN BIN ABU BAKAR	ARAU	AJK
24	SURIA A/L RAUCHANDRAN	ARAU	AJK

Alhamdulillah, barisan kepimpinan MPAMK Perlis ini dibentuk dengan merangkumi kepelbagaian daripada kalangan anak muda dari seluruh pelusuk negeri Perlis dalam lingkungan usia mereka sekitar 18-35 tahun dengan purata umur 27.4 tahun. Mereka ini terdiri daripada pelbagai latar belakang, kaum dan agama serta kelayakan professional. Ada di antaranya adalah merupakan peguam bertauliah, ahli physio, ahli perniagaan, mahasiswa universiti termasuklah pekerja dari sektor swasta, serta turut melibatkan penyertaan kalangan aktivis kemasyarakatan.

Memandangkan AMK merupakan satu sayap penting dalam memperkasakan Majlis Pimpinan Parti Keadilan Rakyat Negeri Perlis, justeru itu, MPAMK Negeri Perlis yang dibentuk ini akan memfokuskan kepada tiga paksi utama, iaitu kepedulian terhadap Rakyat terutamanya dalam aspek kebajikan dan pembangunan ekonomi anak muda serta pembangunan pendidikan dalam usaha bersepadu demi melahirkan insan yang berakhlak mulia dan penuh dengan integriti, yang mana ianya akan menjadi agenda penting yang akan diperjuangkan oleh AMK di negeri ini dalam merealisasikan iltizam kami untuk membantu Rakyat di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis, demi memastikan imej KEADILAN senantiasa positif di mata Rakyat Perlis khas dan Malaysia amnya, di samping membantu Parti ke arah persiapan yang lebih rapi bagi menghadapi Pilihanraya Umum ke-15 kelak.

Tahniah diucapkan kepada semua anggota yang telah terpilih untuk berganding bahu bersama kita berjuang dalam kepimpinan MPAMK Negeri Perlis. Sekalung penghargaan dan terima kasih tak terhingga turut dirakamkan kepada seluruh kepimpinan MPAMK Negeri Perlis yang lalu di atas komitmen dan semangat juang teman-teman dalam usaha demi memperkasakan Parti tercinta di negeri bertuah ini. REFORMASI!

Sekian.

AMAR ABD JALIL

Ketua Angkatan Muda Keadilan Negeri Perlis

22 Julai 2021